



SOALAN-SOALAN LAZIM

PELAKSANAAN *ELECTRONIC BENEFICIAL OWNERSHIP SYSTEM (E-BOS)*

NO	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bilakah <i>Beneficial System</i> beroperasi? <i>Electronic Ownership (e-BOS)</i>	e-BOS akan beroperasi pada 1 April 2024.
2.	Bagaimana pengguna boleh akses ke e-BOS?	Bermula 1 April 2024, e-BOS boleh dicapai melalui capaian https://ssm4u.com.my .
3.	Apakah <i>browser</i> yang bersesuaian untuk penggunaan e-BOS ini?	Paparan terbaik adalah dengan menggunakan <i>Mozilla Firefox</i> atau <i>Chrome</i> dengan resolusi 1024 x 768.
4.	Bagaimanakah pengguna baharu untuk akses e-BOS?	Pengguna e-BOS perlu mengikut langkah-langkah seperti berikut: Langkah 1: Pastikan pengguna telah mendaftar sebagai <i>user</i> di Portal SSM4U (https://ssm4u.com.my) dan telah membuat verifikasi sebagai <i>Verified User</i> . Langkah 2: Layari Portal SSM4U di https://ssm4u.com.my . Langkah 3: Log masuk ke Portal SSM4U menggunakan alamat emel dan kata laluan yang telah didaftarkan.

Classification Label: PUBLIC

NO	SOALAN	JAWAPAN
		<p>Langkah 4: Pada bahagian <i>Main Services</i>, klik pada ikon e-BOS.</p> <p>Langkah 5: Sila teruskan serah simpan Pemunyaan Benefisial e-BOS selepas akaun diaktifkan.</p>
5.	Apakah perkhidmatan yang ditawarkan di bawah e-BOS?	<p>Perkhidmatan yang ditawarkan adalah seperti berikut :</p> <p>(a) NOTIFIKASI MAKLUMAT PEMUNYAAN BENEFISIAL.</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Penambahan pemunya benefisial baru/ pengurusan kanan; ➤ Kemas kini maklumat pemunya benefisial/ pengurusan kanan; dan ➤ Penamatan pemunya benefisial/ pengurusan kanan. <p>(b) REKTIFIKASI MAKLUMAT PEMUNYAAN BENEFISIAL.</p>
6.	Bilakah tarikh permulaan mandatori bagi kemaskini maklumat pemunyaan benefisial melalui e-BOS?	Serah simpan secara mandatori untuk kali pertama bermula pada 01.04.2024.
7.	Apakah yang dimaksudkan dengan tempoh transisi e-BOS?	<p>Tempoh transisi adalah tempoh masa yang diberikan kepada syarikat untuk mengemaskini maklumat pemunyaan benefisial melalui e-BOS.</p> <p>Tempoh masa yang diberikan adalah tiga (3) bulan (01.04.2024-30.06.2024) atau tempoh masa yang dimaklumkan oleh SSM kelak.</p>

Classification Label: PUBLIC

NO	SOALAN	JAWAPAN
8.	Apakah maklumat yang perlu dikemaskini di dalam e-BOS?	Maklumat yang perlu dikemaskini adalah maklumat pemunyaan benefisial yang telah direkodkan di peringkat syarikat sehingga 01.04.2024.
9.	Bermula 01.04.2024 adakah semua syarikat perlu mengemukakan maklumat BO melalui e-BOS walaupun telah mengemaskini serah simpan Penyata Tahunan ("PT")?	Ya, semua syarikat perlu mengemukakan maklumat pemunyaan benefisial bermula pada tarikh tersebut walaupun maklumat terkini telah diserah simpan melalui Penyata Tahunan atau tiada perubahan maklumat. Ini bertujuan untuk membolehkan maklumat pemunyaan benefisial direkodkan di dalam e-BOS.
10.	Jika tiada sebarang perubahan di dalam maklumat pemunyaan benefisial di peringkat syarikat, adakah kemaskini ini masih perlu diserah simpan bermula 01.04.2024?	Ya, semua maklumat pemunyaan benefisial perlu diserah simpan kepada Pendaftar bermula 01.04.2024.
11.	Apakah tindakan yang perlu dilaksanakan oleh syarikat tempatan untuk mendapatkan dan serah simpan maklumat pemunyaan benefisial selepas diperbadankan untuk syarikat tempatan?	Berikut adalah tindakan yang perlu dilaksanakan iaitu: <ul style="list-style-type: none"> (a) Mendapatkan maklumat pemunyaan benefisial dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh pelantikan. (b) Merekod maklumat pemunyaan benefisial di dalam daftar diperingkat syarikat dalam tempoh enam puluh (60) dari tarikh pelantikan setiausaha syarikat. (c) Serah simpan maklumat pemunyaan benefisial kepada Pendaftar dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh

Classification Label: PUBLIC

NO	SOALAN	JAWAPAN																					
		maklumat pemgunaan benefisial direkodkan di dalam daftar diperingkat syarikat.																					
12.	Bilakah tempoh serah simpan kemaskini pemgunaan benefisial bagi syarikat asing yang baharu didaftarkan di SSM?	Serah simpan melalui e-BOS dalam tempoh empat belas (14) hari selepas pendaftaran syarikat asing diluluskan.																					
13.	Bilakah tempoh serah simpan bagi syarikat berstatus <i>Existing</i> untuk syarikat tempatan dan syarikat asing?	Dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh maklumat/perubahan pemgunaan benefisial direkodkan di dalam daftar di peringkat syarikat.																					
14.	Adakah syarikat berstatus selain berstatus <i>Existing</i> boleh membuat serah simpan maklumat pemgunaan benefisial melalui sistem e-BOS?	<p>(a) Syarikat berstatus selain <i>Existing</i> boleh menyerah simpan dan mengemaskini maklumat pemgunaan benefisial melalui e-BOS jika diperlukan.</p> <p>(b) Serah simpan mesti disertakan dengan dokumen sokongan seperti jadual di bawah:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>No</th><th>STATUS SYARIKAT</th><th>DOKUMEN LAMPIRAN YANG PERLU DISERTAKAN</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td><td>WINDING UP</td><td>Liquidator Consent/Court Order</td></tr> <tr> <td>2</td><td>STRUCK-OFF & WINDING-UP VIA COURT ORDER</td><td>Mandatory Court Order</td></tr> <tr> <td>3</td><td>WINDING UP (UNDER CVA)</td><td>Liquidator Consent/Court Order</td></tr> <tr> <td>4</td><td>EXISTING UNDER JM (UNDER CVA)</td><td>Nominees Consent/Court Order</td></tr> <tr> <td>5</td><td>EXISTING (UNDER JM)</td><td>JM Consent/ Court Order</td></tr> <tr> <td>6</td><td>EXISTING (UNDER CVA)</td><td>Nominees Consent/ Court Order</td></tr> </tbody> </table>	No	STATUS SYARIKAT	DOKUMEN LAMPIRAN YANG PERLU DISERTAKAN	1	WINDING UP	Liquidator Consent/Court Order	2	STRUCK-OFF & WINDING-UP VIA COURT ORDER	Mandatory Court Order	3	WINDING UP (UNDER CVA)	Liquidator Consent/Court Order	4	EXISTING UNDER JM (UNDER CVA)	Nominees Consent/Court Order	5	EXISTING (UNDER JM)	JM Consent/ Court Order	6	EXISTING (UNDER CVA)	Nominees Consent/ Court Order
No	STATUS SYARIKAT	DOKUMEN LAMPIRAN YANG PERLU DISERTAKAN																					
1	WINDING UP	Liquidator Consent/Court Order																					
2	STRUCK-OFF & WINDING-UP VIA COURT ORDER	Mandatory Court Order																					
3	WINDING UP (UNDER CVA)	Liquidator Consent/Court Order																					
4	EXISTING UNDER JM (UNDER CVA)	Nominees Consent/Court Order																					
5	EXISTING (UNDER JM)	JM Consent/ Court Order																					
6	EXISTING (UNDER CVA)	Nominees Consent/ Court Order																					
15.	Adakah bayaran lewat serah simpan akan dikenakan jika melebihi tempoh empat belas (14) hari?	<p>(a) Buat masa kini, tiada penalti bayaran lewat serah simpan dikenakan bagi serah simpan dalam tempoh transisi (3 bulan).</p> <p>(b) SSM akan sentiasa mengemaskini dan membuat edaran berhubung sebarang</p>																					

Classification Label: PUBLIC

NO	SOALAN	JAWAPAN
		perubahan dari semasa ke semasa.
16.	Bagaimanakah kaedah pendaftaran kemaskini pemgunaan benefisial di e-BOS?	Pendaftaran permohonan adalah seperti berikut: <i>Auto Registered</i> – Untuk semua serah simpan kecuali: (a) Untuk syarikat berstatus selain <i>Existing</i> ; dan (b) Rektifikasi (S602(1)).
REKTIFIKASI: SEKSYEN 602(1)		
17.	Adakah notifikasi maklumat pemgunaan benefisial yang telah didaftarkan boleh dipinda?	(a) Ya, Syarikat boleh membuat permohonan rektifikasi di bawah peruntukan Seksyen 602(1) AS 2016. (b) Pindaan adalah pada serah simpan yang telah dikemukakan melalui e-BOS sahaja. (c) Permohonan perlu disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap. (d) Serah simpan permohonan ini tertakluk kepada <i>Practice Note No. 6/2019 (Revised): Procedures for Rectification of Documents Lodged and Registered with the Companies Commission of Malaysia</i> .

Classification Label: PUBLIC

NO	SOALAN	JAWAPAN
18.	Apakah jenis pindaan yang boleh dilaksanakan melalui e-BOS?	<p>(a) Rectification - pindaan untuk maklumat-maklumat pemunyaan benefisial yang telah diserah simpan.</p> <p>(b) Remove/Cancellation - pindaan dengan membatalkan nama pemunyaan benefisial atau mengeluarkan pemunyaan benefisial dari daftar.</p>
JOINT ARRANGEMENT		
19.	Bagaimanakah saya ingin mewujudkan kumpulan dalam <i>Joint Arrangement</i> ?	<p>(a) Syarikat perlu menamakan terlebih dahulu dua (2) orang atau lebih pemunyaan benefisial.</p> <p>(b) Nama yang telah dilantik akan dipaparkan oleh sistem untuk dipilih dan kemudian menetapkan peratusan dan nama kumpulan <i>Joint Arrangement</i>.</p> <p>(c) Jumlah peratusan akan dikira secara kumpulan.</p>
20.	Berapakah peratusan (%) pegangan <i>Joint Arrangement</i> yang dibenarkan?	Syarat minima peratusan bagi <i>Joint Arrangement</i> mestilah melibatkan pegangan minima sebanyak 50.001% bagi setiap kumpulan.
21.	Sekiranya terdapat pertanyaan berhubung e-BOS di manakah ianya perlu dimaklumkan?	Sebarang pertanyaan berhubung e-BOS, sila hubungi SSM Customer Care (SSMCC) di bahagian Aduan & Maklumbalas, SSM Chatbot, Live Chat SSM yang boleh diakses melalui portal rasmi SSM, talian telefon 03-7721 4000 atau emel ke enquiry@ssm.com.my .